



WAWANCARA DENGAN SURATMAN MARKASAN MENGAPA PENULISAN NOVEL TAK GHAIRAH?

Oleh : MOHAMED NAIM DAUPI

Pernah tersiar di akhbar Berita Minggu pada 30 DISEMBER 1984

PERTEMUAN Penulis-Penulis Singapura ke-3 anjuran Angkatan Sas-terawan 50 telah bermula semalam. Mengapakah Asas 50 menjadikan penulisan novel sebagai bahan perbincangan utama pertemuan tersebut? Apakah dengan selesainya pertemuan itu penulisan novel setem-pat akan menemui suasana baru? Mengapa penulis-penulis kita ku-rang membuat tumpuan atau penerokaan dalam bidang penulisan novel? Baru-baru ini MOHAMED NAIM DAUPI sempat bertemu-bual dengan HAJI SURATMAN MARKASAN, ketua satu Asas 50 mengenai perkara-perkara tersebut.

MND Apakah tema khusus Pertemuan Penulis-penulis Singapura ke-3 ini?

SM tidak ada tema khusus bagi pertemuan ini, cuma perkara yang Asas 50 jadikan mauduk penting ialah penulisan novel.

MND Mengapa penulisan novel dijadikan bahan perbincangan khusus sedangkan apa yang kita ketahui, Singapura kini kekontangan penulisan novel?

SM mungkin secara kebetulan. Sewaktu pertemuan dulu, kita telah membincangkan cerpen.

Sementara pertemuan yang kedua pula mengenai bidang kritikan dan pertemuan yang ketiga ini, kami khususnya pada novel. Bidang puisi pernah kami kelolakan sewaktu Pesta Puisi Temasek dulu.

Tujuan kedua pula mungkin kerana kegersangan seperti yang saudara sebutkan tadi.

Mungkin dengan pertemuan itu kelak akan timbul bentuk baru yang akan menggalakkan penulis-penulis meneroka bidang novel pula.

Dalam pertemuan ini, kami akan berusaha mengundang penulis-penulis dari Malaysia seperti Hashim Awang; dari Indonesia, Abdul Hadi W.M dan dari Brunei, A.Latiff Chuchu.

Dengan melaporkan kegiatan penulisan novel di negara-negara mereka yang agak rancak dan ghairah, akan menimbulkan semacam tarikan baru atau daya untuk penulis-penulis Singapura.

MND Apakah dengan menganjurkan pertemuan ini, kekontangan novel Singapura dapat di atasi?

SM Sekaligus saya tidak terfikir terjawab tetapi saya harap pertemuan ini mungkin dapat menimbulkan daya baru.

Dan dalam dua tahun kebelakangan ini, semacam ada suasana baru dalam bidang penulisan novel, dengan kemunculan tiga buah novel iaitu *Lisda* oleh Bahri Rajib, *Sandhayakala* karya Mohemad dan *Songsang* oleh Jamal Ismail.

Dengan pertemuan ini nanti diharapkan Asas 50 dapat memainkan peranan meneruskan suasana itu atau menimbulkan daya baru di kalangan penulis-penulis lama untuk kembali berkarya.

SISWA

MND Apakah punca yang menyebabkan penulis-penulis kita tidak menjelajahi pemikiran, kreativiti dan imaginasi mereka dalam penulisan novel?

SM Saya terasa apabila saya membuat satu kertas kerja tentang keadaan kritikan Sastera di Singapura, tidak ada sesuatu yang hendak di tulis.

Dalam hal ini bukan sahaja dalam bidang kritik tetapi novel juga. Sebenarnya kita terlalu jauh tertinggal. Ini ada hubungannya dengan latar belakang sistem pendidikan kita.

Kita harus mempunyai audiens dan daya apresiasinya tinggi dan ini hanya akan timbul kalau kita ada pengajian tinggi di Singapura, yang boleh menimbulkan minat sejati terhadap Sastera.

Dan apa yang ada sekarang, kurikulum Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura (NUS) tidak terdapat unsur-unsur yang boleh menjadikan mahasiswa kita mempunyai apresiasi yang tinggi terhadap kesusasteraan.

Pada tahun satu pengajian mereka, pelajaran kesusasteraan mereka terbatas pada kesusasteraan Indonesia dan tahun kedua pula mengenai sastera lama, sementara tahun ketiga sudah tidak ada. Jadi, dengan sendirinya tidak akan dapat menimbulkan mahasiswa yang mempunyai daya apresiasi yang tinggi.

Saya sedar adanya mahasiswa yang menceburkan diri dalam penulisan sastera tetapi bilangannya segelintir saja, kira-kira empat atau lima orang sahaja. Dari segi lain, kalaulah kita perhatikan pertemuan atau diskusi-diskusi kesusasteraan yang pernah dianjurkan, kita tidak nampak mahasiswa turut terlibat secara serius.

Dengan kurangnya keterlibatan mereka inilah, dengan sendirinya penulisan novel, kritik sastera dan sebagainya tidak menimbulkan sesuatu yang dapat menambah hidupnya sastera kita.


MND Berbalik kepada soalan saya tadi, apakah sebabnya penulis-penulis kita kurang membuat penerokaannya dalam bidang novel?

SM Sebenarnya kita telah berusaha untuk membangkitkannya di kalangan penulis kita dengan mengajurkan sayembara penulisan novel tetapi malangnya hanya seorang sahaja, kalau tidak silap saya, hanya Peter Augustine Goh saja, yang berminat.

Kemudian mungkin penulis-penulis kita kurang dedikasi untuk menulis novel yang banyak memakan waktu.

Kalau kita ambil cerpen, paling lama untuk menghasilkan barangkali sebulan atau sajak barangkali dua atau tiga hari tetapi untuk menghasilkan novel, tentu memakan masa yang lama dan kita kurang mempunyai penulis-penulis yang sanggup bertahan dengan waktu, semasa menghasilkan novel.

MND Apakah ada punca lain, umpamanya kurang sedianya penerbit-penerbit buku kita untuk menerbitkan karya novel setempat, menyebabkan penulis-penulis kita hilang daya minat dalam menghasilkan novel?



KREATIF

SM Mungkin itu satu dari sebabnya tetapi bukan merupakan satu sebab yang penting.

Saya berkata demikian kerana saya tahu adanya penerbit-penerbit luar Singapura yang sanggup menerbitkan novel-novel kita.

Sekadar contoh novel Sandhayakala diterbitkan di Bali dan saya sendiri pernah dihubungi oleh beberapa penerbit dari Malaysia bertanyakan novel saya.

Jadi, saya kira, itu bukanlah satu sebab penting. Mungkin bagi penulis-penulis muda mengalami kesulitan tetapi perkara tersebut mudah diatasi.

MND Apa yang saya dapati dalam perkembangan masa kini, ada semacam keghairahan di kalangan pertubuhan budaya setempat untuk menerbitkan karya kreatif kita termasuk novel.

Sekadar contoh Perkumpulan Seni dengan novel Songsang, Jamal Ismail. Apa pandangan saudara mengenai hal ini? Apakah keghairahan ini dapat mengatasi masalah penerbitan yang kita bicarakan tadi?

SM Kerana saudara telah menyebutkan Perkumpulan Seni, Badan Kesenian Melayu dan Asas 50 sendiri akan berusaha menerbitkan karya-karya setempat termasuk novel, Insya-Allah.

Dan ini tidak akan menjadi alasan bagi penulis-penulis Singapura tidak dapat melahirkan novel kerana tidak ada penerbit. Yang penting, kita hasilkan dulu, lepas itu cari penerbit.

Kalau penerbit dikatakan sebagai masalah sedangkan penulis tidak mencipta soal penerbit tidak timbul.

MND menyentuh tentang sayembara novel yang saudara katakan tadi, apakah yang menyebabkan sayembara tidak mendapat sambutan sedangkan hadiah yang disediakan agak lumayan?

SM saya rasa, kita kembali kepada hal yang sama iaitu kita sebenarnya kurang penulis-penulis yang gigih.

Kemungkinan lain pula ialah semacam adanya kurang puas hati di kalangan penulis, kerana sayembara tersebut tidak menjanjikan sesebuah karya yang berjaya itu dibukukan.

Dan sebab yang lain pula mungkin kita di sini tidak mempunyai suasana kreativiti yang kuat seperti di Malaysia dan Indonesia.

MND Pernah satu masa dulu terdapat usul supaya Jawatankuasa Hadiah Sastera (JHS) menerima dan menilai karya novel yang belum diterbitkan dan pada karya-karya yang berjaya dijanjikan penerbitannya?

HARAPKAN

SM saya rasa itu satu pandangan yang baik dan ideal. Majlis Pusat dan mungkin dengan dukungan Asas 50, BM dan PS dapat memikirkan hal yang saudara sebutkan tadi.

Dan saya pasti ini boleh berjalan sekiranya Majlis Pusat mendapat sokongan yang kuat dari ketiga-tiga badan tadi.

MND Berbalik kepada pertemuan Penulis-penulis Singapura ke-3 tadi, apakah harapan saudara?

SM saya harapkan setelah penulis-penulis atau peserta-peserta nanti mendengar gambaran dan suasana keberhasilan penulisan novel di Malaysia, Indonesia dan Brunei, akan menimbulkan satu insentif iaitu kita boleh mencapai hal yang serupa.

MND Asalnya Pertemuan Penulis-penulis Singapura yang pertama bertujuan menemukan tidak saja penulis-penulis berbahasa Melayu tetapi juga penulis-penulis yang tidak menulis dalam Bahasa Melayu. Mengapa corak pertemuan ke-3 ini berubah?

SM memandangkan tujuan pertama dulu tidak berhasil yakni tidak mendapat sambutan dari penulis-penulis yang tidak menggunakan Bahasa Melayu, maka itu kita kembali kepada masalah kita sendiri iaitu menyedarkan golongan penulis Melayu supaya sama-sama memikirkan masalah kita.

Namun, demikian, hal yang hampir serupa berlaku, iaitu kita dapati tidak ramai penulis atau peminat sastera yang hadir.

MND Mengapa Asas 50 masih begitu yakin untuk menganjurkan pertemuan sastera seperti ini sedang hakikatnya, pertemuan sastera kurang mendapat sambutan?

Berkaitan dengan ini pula, mengapa pertemuan yang dianjurkan di luar Singapura agak mendapat perhatian daripada peminat atau penulis-penulis kita?

SOKONG

SM Asas 50 akan terus memainkan peranan sebagai badan penulis dan dalam hal kedua pula, saya tidak dapat menyatakan dengan jelas, apakah sebabnya terjadi demikian kerana saya belum membuat kajian mengenainya.

Tetapi dalam jangkaan kasar, pertemuan-pertemuan di luar Singapura mendapat perhatian daripada penulis dan peminat sastera kita ialah kehadiran mereka seolah-olah seperti makan angin.

Mereka hadir, duduk dan membawa balik kertas-kertas kerja saja. Jadi, kalau di Singapura pula jika mereka hadir, mereka tidak nampak seperti makan angin. Mungkin ini satu prasangka saya saja.

Atau kemungkinan kedua pula ialah bermaksud yang ingin kita sampaikan tidak terjangkau oleh mereka.

Namun begitu, saya akan terus berharap agar mereka akan berusaha memberi sokongan kepada kami.

Dengan demikian, kita sama-sama akan dapat memikirkan dan mencari jalan bagaimana kita dapat meninggikan penulisan novel atau bidang-bidang penulisan yang lain.

TAMAT